



# AS MEMILIH

## IMPIAN CLINTON BERAKHIR

- > **6 OKTOBER 1947** - Dilahirkan di Chicago, Illinois
- > **1969** - Mendapat pendidikan di Yale Law School, bertemu Bill Clinton
- > **1974-75** - Peguam di Tabung Pertahanan Kanak-kanak
- > **1975** - Berkahwin dengan Bill Clinton
- > **1980** - Melahirkan puteri tunggal, Chelsea
- > **1993-2001** - Menjadi wanita pertama AS
- > **2001-09** - Dilantik Senator New York
- > **2002** - Mengundi peperangan di Iraq
- > **OGOS 2008** - Tewas pencalonan Demokrat kepada Obama
- > **2009-2013** - Dilantik Setiausaha Negara AS
- > **11 SEPTEMBER 2012** - Pengurusan keselamatannya dikritik susulan serangan berdarah di kawasan diplomatik AS di Libya
- > **MAC 2015** - Kontroversi berhubung penggunaan pelayar emel peribadi untuk tugas rasmi beliau
- > **APRIL 2015** - Melancarkan pencalonan untuk pilihan raya presiden buat kali kedua
- > **JUN 2016** - Memenangi pencalonan parti Demokrat
- > **8 NOVEMBER 2016** - Ditewaskan Donald Trump dalam Pilihan Raya Presiden 2016



# Pasaran dunia jatuh

Saham menjunam, mata wang dolar semakin lemah

Sikron Horton  
10/11/16  
mls 5



**WASHINGTON** - Pasaran dunia jatuh selepas kemenangan Donald Trump diumumkan dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (AS), dengan saham Asia turun mendadak, mata wang dolar semakin lemah dan saham Eropah menjunam ketika pembukaan dagangan, pagi semalam.

Indeks utama saham Britain, FTSE 100 jatuh 1.4 peratus pada awal dagangan sebelum kembali pulih untuk diperdagangkan pada 6,838 mata.

Indeks Cac Perancis dan Dax Jerman masing-masing turun 1 peratus selepas jatuh mendadak pada permulaan dagangan.


Setengah penganalisis turut menyamakan kemenangan mengejut Donald Trump dengan keputusan Brexit awal tahun ini.

Di London, pasaran turun 0.3 peratus sekitar jam 9.30 pagi (waktu tempatan) selepas dibuka 1.8 peratus lebih rendah.

Indeks Nikkei 225 menjunam 5.4 peratus atau 920 mata, dan ditutup pada 16,252 selepas sehari perdagangan, di-

### PASARAN JATUH SELEPAS KEMENANGAN TRUMP

Respons pasaran utama terhadap keputusan pilihan raya presiden AS



sifatkan sebagai paling sukar.

Saham AS jatuh kepada 5 peratus, lebih teruk daripada kemerosotan disebabkan undian rakyat Britain untuk

meninggalkan Kesatuan Eropah (EU) pada Jun lalu, yang menyebabkan kerugian trilion dolar daripada pasaran dunia.

- Agensi